



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan kementerian ini bertarikh 26 Mei 2023 (Jumaat) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER
1	<p>Malaysia Chairs 11th AMMSWD In Hybrid Mode</p> <p><a href="https://selangorjournal.my/2023/05/malaysia-chairs-11th-ammswd-in-hybrid-mode/">https://selangorjournal.my/2023/05/malaysia-chairs-11th-ammswd-in-hybrid-mode/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2192423">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2192423</a></p> <p><a href="https://newswav.com/article/malaysia-chairs-11th-ammswd-in-hybrid-mode-A2305_qXZmoa">https://newswav.com/article/malaysia-chairs-11th-ammswd-in-hybrid-mode-A2305_qXZmoa</a></p>	<p>Selangor Journal</p> <p>Bernama</p> <p>Newswav</p>
2	<p>Sejambak Kasih JKM Limbang Santuni 100 Penerima</p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/25/sejambak-kasih-jkm-limbang-santuni-100-penerima">https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/25/sejambak-kasih-jkm-limbang-santuni-100-penerima</a></p>	<p>Utusan Borneo</p>
3	<p>Bukan Hakim Sahaja Perlu ‘Kebal’</p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/rencana/2023/05/bukan-hakim-sahaja-perlu-kebal/">https://www.utusan.com.my/rencana/2023/05/bukan-hakim-sahaja-perlu-kebal/</a></p>	<p>Utusan</p>

<p>4</p>	<p><b>Mahkamah Rayuan Perintah Remaja Jalani 100 Jam Khidmat Masyarakat</b></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-rayuan-perintah-remaja-jalani-100-jam-khidmat-masyarakat-421176">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-rayuan-perintah-remaja-jalani-100-jam-khidmat-masyarakat-421176</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970820/remaja-diperintah-jalani-100-jam-khidmat-masyarakat">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970820/remaja-diperintah-jalani-100-jam-khidmat-masyarakat</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p>
<p>5</p>	<p><b>Ibu Tunggal Diuji Kanser Payudara Tahap Empat</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/26/ibu-tunggal-diuji-kanser-payudara-tahap-empat/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/26/ibu-tunggal-diuji-kanser-payudara-tahap-empat/</a></p>	<p>Kosmo</p>
<p>6</p>	<p><b>Kanak-Kanak Maut Digilis Lori</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970851/kanak-kanak-maut-digilis-lori">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970851/kanak-kanak-maut-digilis-lori</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260326/berita/semasa/budak-lima-tahun-maut-digilis-lori">https://www.sinarharian.com.my/article/260326/berita/semasa/budak-lima-tahun-maut-digilis-lori</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/kanak-kanak-maut-digilis-ketika-sedang-bermain/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/kanak-kanak-maut-digilis-ketika-sedang-bermain/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-perempuan-maut-digilis-lori-421196">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanakkanak-perempuan-maut-digilis-lori-421196</a></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2023/05/25/kanak-kanak-lima-tahun-maut-digilis-lori/">https://malaysiagazette.com/2023/05/25/kanak-kanak-lima-tahun-maut-digilis-lori/</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1106116/kanak-kanak-lima-tahun-maut-digilis-lori-dekat-rumah">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/05/1106116/kanak-kanak-lima-tahun-maut-digilis-lori-dekat-rumah</a></p> <p><a href="https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-perempuan-maut-digilis-lori/">https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-perempuan-maut-digilis-lori/</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2192452">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2192452</a></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2023/05/kanak-kanak-lima-tahun-maut-digilis-lori-ketika-bermain-berhampiran-rumah/">https://selangorkini.my/2023/05/kanak-kanak-lima-tahun-maut-digilis-lori-ketika-bermain-berhampiran-rumah/</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/25/kanak-kanak-perempuan-maut-digilis-lori/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/25/kanak-kanak-perempuan-maut-digilis-lori/</a></p>	<p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Kosmo</p> <p>Astro Awani</p> <p>Malaysia Gazette</p> <p>Berita Harian</p> <p>Melaka Hari Ini</p> <p>Bernamea</p> <p>Selangor Kini</p> <p>FMT</p>

	<p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=c44jXWvXvms">https://www.youtube.com/watch?v=c44jXWvXvms</a></p> <p><a href="https://tvstv.my/2023/05/26/kanak-kanak-perempuan-maut-digilis-lori/">https://tvstv.my/2023/05/26/kanak-kanak-perempuan-maut-digilis-lori/</a></p>	<p>Astro Awani</p> <p>TVSTV</p>
7	<p><b>Kanak-Kanak Lelaki Cedera Dibaham Buaya</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-lelaki-cedera-dibaham-buaya/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-lelaki-cedera-dibaham-buaya/</a></p> <p><a href="https://wartaoriental.com/2023/05/25/kanak-kanak-lelaki-cedera-dibaham-buaya-di-sandakan/">https://wartaoriental.com/2023/05/25/kanak-kanak-lelaki-cedera-dibaham-buaya-di-sandakan/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Warta Oriental</p>
8	<p><b>Suami Isteri Dituduh Dera Dua Anak Berusia Lima, Enam Tahun</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105882/suami-isteri-dituduh-dera-dua-anak-berusia-lima-enam-tahun">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105882/suami-isteri-dituduh-dera-dua-anak-berusia-lima-enam-tahun</a></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64159-suami-isteri-dituduh-sebabkan-kecederaan-fizikal-dua-anak">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64159-suami-isteri-dituduh-sebabkan-kecederaan-fizikal-dua-anak</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Berita RTM</p>
9	<p><b>Kes Samun: Wanita Antara Empat Ditahan</b></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260257/berita/semasa/kes-samun-wanita-antara-empat-ditahan">https://www.sinarharian.com.my/article/260257/berita/semasa/kes-samun-wanita-antara-empat-ditahan</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-samun-wanita-antara-empat-ditahan-421135">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-samun-wanita-antara-empat-ditahan-421135</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2192259">https://www.bernama.com/bm/jenayah_mahkamah/news.php?id=2192259</a></p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p>
10	<p><b>Tawar Khidmat Seks Melalui Wechat, 7 Ditahan</b></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970885/tawar-khidmat-seks-melalui-wechat-7-ditahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970885/tawar-khidmat-seks-melalui-wechat-7-ditahan</a></p>	<p>Harian Metro</p>
11	<p><b>10 Orang Dipanggil Bantu Siasatan Kes Bunuh, Bakar Wanita Hamil</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1106064/10-orang-dipanggil-bantu-siasatan-kes-bunuh-bakar-wanita-hamil">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1106064/10-orang-dipanggil-bantu-siasatan-kes-bunuh-bakar-wanita-hamil</a></p>	<p>Berita Harian</p>

	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/260283/berita/bakar-teman-wanita-hamil-polis-rekod-keterangan-10-individu">https://www.sinarharian.com.my/article/260283/berita/bakar-teman-wanita-hamil-polis-rekod-keterangan-10-individu</a>	Sinar Harian
12	<p><b>Wanita Rugi RM180,000 Ditipu Kenalan Lama</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105942/wanita-rugi-rm180000-ditipu-kenalan-lama">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105942/wanita-rugi-rm180000-ditipu-kenalan-lama</a></p> <p><a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/25/diperdaya-kenalan-lama-wanita-rugi-rm180000/">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/05/25/diperdaya-kenalan-lama-wanita-rugi-rm180000/</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-rugi-rm180000-ditipu-kenalan-lama/">https://www.buletintv3.my/jenayah/wanita-rugi-rm180000-ditipu-kenalan-lama/</a></p> <p><a href="https://thenusantaradaily.com/wanita-rugi-rm180000-ditipu-skim-pelaburan-wang-dan-emas/">https://thenusantaradaily.com/wanita-rugi-rm180000-ditipu-skim-pelaburan-wang-dan-emas/</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>FMT</p> <p>Buletin TV3</p> <p>TheNusantara Daily</p>
13	<p><b>Wanita Hamil Dicerai Talak Satu, Dihalau Keluar Rumah</b></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/wanita-hamil-dicerai-talak-satu-dihalau-keluar-rumah/">https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/wanita-hamil-dicerai-talak-satu-dihalau-keluar-rumah/</a></p>	Kosmo
14	<p><b>Lelaki Warga Emas Diperdaya Hampir Setengah Juta Pelaburan 'Forex'</b></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-warga-emas-diperdaya-hampir-setengah-juta-pelaburan-forex/?utm_source=BUTV3&amp;utm_medium=terkini">https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-warga-emas-diperdaya-hampir-setengah-juta-pelaburan-forex/?utm_source=BUTV3&amp;utm_medium=terkini</a></p>	Buletin TV3
15	<p><b>Pasangan Warga Emas Tinggal Sehelai Sepinggang Menjelang Gawai</b></p> <p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/25/pasangan-warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-menjelang-gawai">https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/25/pasangan-warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-menjelang-gawai</a></p>	Utusan Borneo
16	<p><b>Pengendali Pusat Kebajikan Syukur Dapat Geran RM5,000, Tampung Keperluan Penghuni</b></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2023/05/pengendali-pusat-kebajikan-syukur-dapat-geran-rm5000-tampung-keperluan-penghuni/">https://selangorkini.my/2023/05/pengendali-pusat-kebajikan-syukur-dapat-geran-rm5000-tampung-keperluan-penghuni/</a></p>	Selangir Kini
17	<b>Bayi Seawal Enam Bulan Boleh Diserang Penyakit Fungsian Perut Dan Usus</b>	

<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/bayi-seawal-enam-bulan-boleh-diserang-penyakit-fungsian-perut-dan-usus/">https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/bayi-seawal-enam-bulan-boleh-diserang-penyakit-fungsian-perut-dan-usus/</a>	Utusan
<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64208-penyakit-fungsian-perut-dan-usus-berpotensi-menyerang-bayi-seawal-6-bulan">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/64208-penyakit-fungsian-perut-dan-usus-berpotensi-menyerang-bayi-seawal-6-bulan</a>	Berita RTM
<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyakit-berkaitan-perut-usus-tunjuk-trend-peningkatan-msgh-421174">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/penyakit-berkaitan-perut-usus-tunjuk-trend-peningkatan-msgh-421174</a>	Astro Awani

## MALAYSIA CHAIRS 11TH AMMSWD IN HYBRID MODE

<https://selangorjournal.my/2023/05/malaysia-chairs-11th-ammswd-in-hybrid-mode/>

Sumber : Selangor Journal



PUTRAJAYA, May 25 — Malaysia has successfully convened the 11th Asean Ministerial Meeting on Social Welfare and Development (11th AMMSWD) and related meetings which were held in a hybrid mode from May 22 to 25.

The Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM), in a statement today, said the meetings, chaired by Malaysia, were attended by all Asean member states, including Timor-Leste with observer status, as well as the Asean Training Centre for Social Work (ATCSW) for the first time.

KPWKM said the 11th AMMSWD, themed *Accelerating the Implementation of Asean's Commitments for Gender Equality through Gender Mainstreaming and Social Inclusion*, envisaged Asean as an inclusive community promoting a high quality of life with equitable access to opportunities for all, as well as protecting the rights of women and the community. Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri chaired the 11th AMMSWD and the 7th Asean Plus Three AMMSWD (7th AMMSWD+3) meetings today.

KPWKM said Nancy at the meetings highlighted the need for Asean strategic partners to accelerate cohesive efforts in achieving Sustainable Development Goal 5 (SDG5) focusing on an integrated gender perspective in countries' development plans, strengthening the family institution and improving social welfare.

She also highlighted the issue of ageing and older persons as Malaysia is expected to become an ageing nation where 15 per cent of Malaysia's population will comprise those aged 60 and above as stated under the 2015 Kuala Lumpur Declaration on Ageing: Empowering Older Persons in Asean.

“The four-day meeting translated the theme into a reality through an enhanced synergy between government and NGOs as well as Asean and its Plus Three partners and affirmative Asean's commitment in addressing gender mainstreaming and social inclusion issues,” said KPWKM.

### **SEJAMBAK KASIH JKM LIMBANG SANTUNI 100 PENERIMA**

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/25/sejambak-kasih-jkm-limbang-santuni-100-penerima>

**Sumber : Utusan Borneo**



LIMBANG: Terpancar keceriaan pada wajah 100 penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Bahagian Limbang apabila menerima sumbangan Hari Gawai 2023 berupa hamper dan wang tunai pada dalam Majlis Sejambak Kasih, baru-baru ini.

Majlis penyerahan sumbangan yang diadakan di Dewan Masyarakat Medamit itu salah satu inisiatif pihak JKM Sarawak dalam membantu golongan yang memerlukan.

Penyerahan hamper itu disempurnakan wakil Residen Bahagian Limbang Hamidah Halpi.

Turut hadir ialah Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Limbang Wan Hasif Wan Jamari.

Program berkenaan diperluas ke kawasan luar bandar kerana kerajaan negeri ingin memberi bantuan yang lebih menyeluruh kepada penerima yang layak di seluruh Sarawak.

Program Sejambak Kasih pada setiap musim perayaan ini merupakan inisiatif kerajaan negeri melalui Jabatan Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak.

## **BUKAN HAKIM SAHAJA PERLU ‘KEBAL’**

<https://www.utusan.com.my/rencana/2023/05/bukan-hakim-sahaja-perlu-kebal/>

**Sumber : Utusan**



PINTU mahkamah terbuka, seorang lelaki berpakaian serba kemas masuk ke ruang mahkamah. Dengan penuh keyakinan, beliau berjalan menuju ke kandang saksi. Nada yang jelas diungkap dan bergema di dalam kamar mahkamah, memperkenalkan dirinya sebagai seorang pegawai pelindung Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM). Beliau memegang satu laporan yang komprehensif, hasil penyiasatan dan pengamatan teliti. Beliau hadir atas arahan mahkamah bagi menyediakan laporan...

## MAHKAMAH RAYUAN PERINTAH REMAJA JALANI 100 JAM KHIDMAT MASYARAKAT

<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/mahkamah-rayuan-perintah-remaja-jalani-100-jam-khidmat-masyarakat-421176>

Sumber : Astro Awani



**PUTRAJAYA:** Seorang remaja lelaki yang mengaku bersalah terhadap empat pertuduhan berkaitan seks diperintahkan oleh Mahkamah Rayuan hari ini supaya menjalani perintah khidmat masyarakat selama 100 jam.

Ini selepas panel tiga hakim terdiri daripada Datuk Hadhariah Syed Ismail, Datuk M. Gunalan dan Datuk Lim Chong Fong membenarkan rayuan remaja itu untuk mengetepikan perintah mahkamah sebelum ini supaya dia dihantar ke Sekolah Henry Gurney selama tiga tahun.

Lim yang menyampaikan keputusan mahkamah berkata perintah sewajarnya diberikan kepada remaja itu yang kini berusia 18 tahun ialah supaya dia melakukan khidmat masyarakat selama 100 jam di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan menambah bahawa ia juga termasuk kaunseling serta pendidikan agama dan moral.

"Kami mengakui perintah yang dikenakan terhadap perayu mungkin tidak sesuai dan ideal untuk semua orang. Kami lebih suka meletakkan kepercayaan kepada perayu bahawa dia telah belajar daripada episod ngerinya dan tidak akan mengulangnya," kata beliau.

Lim berkata perintah Mahkamah Majistret yang bersidang sebagai Mahkamah Bagi Kanak-Kanak untuk menghantar remaja itu ke Sekolah Henry Gurney, yang terletak di bawah bidang kuasa Ketua Pengarah Penjara, berdasarkan laporan percubaan adalah menyalahi undang-undang kerana tiada penjelasan pegawai kebajikan dalam laporan itu menunjukkan remaja tersebut tidak sesuai untuk dipulihkan di sekolah yang diluluskan.

Beliau berkata dalam menjatuhkan hukuman ke atas seseorang, mahkamah mesti mengambil kira keseimbangan yang memenuhi kepentingan awam dan menghalang berlaku semula jenayah serta memulihkan orang itu.

Lim berkata mahkamah yakin remaja itu yang telah tersalah langkah kini telah kesal dan malu terhadap apa yang dilakukannya, sambil menambah bahawa bapa remaja itu telah mengakui bahawa anaknya menunjukkan perubahan sikap ke arah yang lebih baik.

Dia berkata remaja itu kini menghabiskan lebih banyak masa di rumah dengan menumpukan pada pelajaran dan kurang menghabiskan masa pada telefon bimbitnya serta menonton rancangan animasi bagi mengelak keinginan melayari laman web pornografi.

Sementara itu, Hadhariah menasihati remaja itu supaya mengambil keputusan mahkamah sebagai pengajaran dan satu amaran supaya dia tidak mengulangi kesalahan itu atau dia tidak akan mendapat peluang kedua.

"Jika kamu melakukan kesalahan itu sekali lagi, tindakan undang-undang akan dikenakan. Jika kesalahan seksual itu di bawah Kanun Keseksaan, maka hukuman di bawah peruntukan itu akan terpakai," kata beliau.

Hadhariah juga berkata adalah menjadi tanggungjawab pegawai kebajikan untuk memutuskan jenis khidmat masyarakat yang akan diberikan kepada remaja itu.

Hakim itu juga mengarahkan pihak pendakwaan supaya menyampaikan perintah mahkamah kepada pegawai kebajikan untuk dikuatkuasakan terhadap remaja itu dan meminta pihak pendakwaan melaporkan semula kepada mahkamah untuk memastikan perintah itu dilaksanakan oleh pegawai.

Budak lelaki itu berumur 15 tahun pada masa melakukan kesalahan itu terhadap rakan-rakannya dan adik perempuannya.

Dia didakwa di Mahkamah Majistret Sepang, yang bersidang sebagai Mahkamah Bagi Kanak-Kanak, terhadap atas dua pertuduhan seksual fizikal dan satu lagi pertuduhan persetubuhan luar tabii. Dia juga didakwa di Mahkamah Majistret Petaling Jaya, bersidang sebagai Mahkamah Bagi Kanak-kanak, atas satu pertuduhan seksual fizikal.

Pada 23 Sept 2020, Mahkamah Majistret Sepang memerintahkan remaja itu ditempatkan di Sekolah Henry Gurney selama tiga tahun manakala Mahkamah Majistret Petaling Jaya mengeluarkan perintah yang sama pada 4 Feb 2021 selepas dia mengaku bersalah atas semua pertuduhan.

Rayuannya terhadap perintah itu telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 5 Nov 2021, menyebabkannya merayu kepada Mahkamah Rayuan.

Peguam Mohd Khairul Azam Abdul Aziz mewakili remaja itu manakala Timbalan Pendakwa Raya Ng Siew Wee mewakili pendakwaan.

## IBU TUNGGAL DIUJI KANSER PAYUDARA TAHAP EMPAT

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/26/ibu-tunggal-diuji-kanser-payudara-tahap-empat/>

Sumber : Kosmo



ALOR SETAR – Kehidupan daif bukan satu-satunya ujian yang terpaksa ditempuh seorang ibu tunggal dari Kubang Rotan di sini kerana dia turut menderita penyakit kanser payudara.

Disebabkan penyakit kanser tahap empat itu, Sofiah Yusof, 54, tidak mampu lagi menguruskan dua anaknya iaitu Siti Aisyah Abdullah, 15, dan Muhammad Aliff Adam, 12.

Menurut Sofiah, dia hanya bergantung kepada anak-anak untuk menjaganya selain melakukan kerja-kerja rumah selepas mereka pulang dari sekolah.

“Saya didiagnosis mempunyai ketumbuhan pada payudara kanan pada tahun lalu. Pada Februari lepas, saya menjalani pembedahan di Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar dan kesakitan (akibat pembedahan) masih terasa.

“Ada ketikanya saya perlu ambil ubat tahan sakit. Seharian saya terbaring dan tidur kerana itu sahaja cara untuk menghilangkan sakit,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Tandok, Kubang Rotan, Kuala Kedah di sini semalam.

Sofiah berkata, dia dijadualkan menjalani kemoterapi pada bulan lalu, namun tertangguh kerana kesihatan yang merosot.

Sofiah yang kematian suami enam tahun lalu memberitahu, dia sekeluarga kini bergantung dengan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan zakat untuk kelangsungan hidup.

“Adakalanya memang tidak cukup (wang), jadi kami tiga beranak makan apa yang ada sahaja,” katanya.

Disebabkan masalah kewangan, wanita itu tidak mampu untuk membaiki rumahnya yang serba daif lebih-lebih lagi selepas dibadai ribut tahun lepas.

Sementara itu, Siti Aisyah berkata, walaupun hidup dalam kesempitan, dia berjanji untuk menjaga ibunya dengan sebaik mungkin.

“Saya cuba untuk menjadi anak dan kakak yang baik untuk ibu serta adik. Pada masa sama, saya cuba menjadi pelajar yang cemerlang walaupun perlu jaga ibu dan sedaya upaya tidak akan ponteng sekolah,” jelasnya.

Orang ramai yang ingin membantu keluarga Sofiah boleh berbuat demikian menerusi akaun Bank Simpanan Nasional bernombor **0200641000098133**.

## **KANAK-KANAK MAUT DIGILIS LORI**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970851/kanak-kanak-maut-digilis-lori>

**Sumber : Harian Metro**



Melaka: Kanak-kanak perempuan berusia lima tahun maut digilis lori ketika bermain berhampiran rumahnya di Kampung Paya Mengkuang, Batang Tiga, di sini, petang tadi.

Dalam kejadian jam 5.25 petang itu, mangsa, Nur Qayra Quraisya Muhamad Qayyum disahkan meninggal dunia di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Melaka Tengah, Asisten Komisioner Christopher Patit berkata, siasatan awal mendapati kemalangan berlaku di simpang tiga.

Menurutnya, ketika kejadian kanak-kanak perempuan itu sedang bermain bersama saudaranya di sekitar tempat kejadian di celah pokok.

"Ketika lori berkenaan ingin keluar simpang dan pemandunya sudah memastikan keadaan selamat untuk keluar, tiba-tiba kanak-kanak itu dikatakan datang dari celah pokok dan berlari ke arah lori yang sedang bergerak.

"Akibatnya pemandu yang tidak perasan kehadiran mangsa terlanggar mangsa hingga maut di tempat kejadian," katanya dihubungi di sini.

Menurut Christopher, mayat mangsa dihantar ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Melaka (HM) untuk bedah siasat bagi mengetahui punca kematiannya.

"Pemandu lori berusia 37 tahun itu dibawa ke bahagian kecemasan HM untuk diambil sampel darah bertujuan mengesan kandungan alkohol dan dadah.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987," katanya.

## **KANAK-KANAK LELAKI CEDERA DIBAHAM BUAYA**

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/kanak-kanak-lelaki-cedera-dibaham-buaya/>

**Sumber : Utusan**



**SANDAKAN:** Seorang kanak-kanak lelaki berusia sembilan tahun mengalami kecederaan akibat diserang buaya semasa berenang di kawasan perumahan atas air di Kampung Batu Putih, Selasa lalu.

Dalam kejadian kira-kira pukul 1 petang itu, mangsa difahamkan diserang buaya semasa berenang pulang ke rumahnya.

Pembantu Hidupan Liar, Jabatan Hidupan Liar (JHL) Sandakan, Mozain Abbas berkata, kanak-kanak itu menerima lapan jahitan di lengan sebelah kanan dan cedera di bahagian bahu kanan dan kepala.

Beliau berkata, kanak-kanak bukan warganegara tersebut difahamkan sedang berenang bersama seorang rakannya dari rumah jiran menuju balik ke rumah mangsa sebelum diserang dan dibaham buaya yang berada di kawasan perairan tersebut.

“Mangsa dibaham di bahagian tangan namun mangsa sempat melawan dan berjaya melepaskan diri sebelum diselamatkan oleh bapanya, Ubung Markum, 39.

“Mangsa dibawa ke klinik bagi mendapatkan rawatan. Keadaan mangsa stabil dan tidak ada kecederaan serius yang dilaporkan,” katanya dalam kenyataan.

Menurut Mozain, selepas insiden itu, JHL Sandakan bertemu dengan bapa mangsa untuk mengambil maklumat dan melihat keadaan mangsa.

Katanya, apabila tinjauan dibuat di lokasi tersebut, tiada kelibat buaya kelihatan kerana air telah surut sepenuhnya.

Justeru, beliau menasihatkan penduduk di perkampungan atas air itu supaya sentiasa berwaspada apabila melalui jalan yang digenangi air pasang.

Penduduk kampung juga perlu memastikan anak-anak mereka tidak berada atau bermain di kawasan berhampiran sungai demi keselamatan. – [UTUSAN](#)

## **SUAMI ISTERI DITUDUH DERA DUA ANAK BERUSIA LIMA, ENAM TAHUN**

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105882/suami-isteri-dituduh-dera-dua-anak-berusia-lima-enam-tahun>

**Sumber : Berita Harian**



KUANTAN: Sepasang suami isteri dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini, atas pertuduhan menyebabkan kecederaan fizikal terhadap dua anak mereka berusia lima dan enam tahun dalam kejadian pada Januari lalu.

Bapa tiri, Noor Aliff Ridzwan Zakaria, 29 dan ibu kandung, Nur Syafiqah Rosli, 28, kepada kanak-kanak lelaki dan perempuan itu, mengaku tidak bersalah sejourus pertuduhan dibacakan bersama terhadap mereka di hadapan Hakim, Mohammed Mokhzani Mokhtar.

Mengikut pertuduhan pertama, Nor Aliff Ridwan dan Nur Syafiqah sebagai orang yang mempunyai pemeliharaan terhadap kanak-kanak lelaki berusia enam tahun didakwa melakukan penganiayaan yang menyebabkan kecederaan fizikal.

Bagi pertuduhan kedua pula kedua-dua tertuduh melakukan kesalahan sama terhadap kanak-kanak perempuan berusia lima tahun.

Kedua-dua kes itu didakwa berlaku di sebuah rumah di Bukit Rangin dekat sini pada Januari lalu.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu mengikut Seksyen 31(1(a) Akta Kanak-kanak 2001 yang dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM20,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya sekali.

Kedua-dua tertuduh boleh dikenakan perintah bon berkelakuan baik dan khidmat masyarakat selama 240 jam dalam tempoh enam bulan.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Haryati Abdullah menawarkan jaminan RM15,000 bagi setiap tertuduh dan syarat tambahan tidak boleh menghampiri mangsa yang kini berada di bawah jagaan nenek mereka sehingga kes selesai.

Pasangan itu juga diarah menyerahkan pasport dan perlu melapor diri di balai polis berhampiran setiap bulan.

Kedua-dua tertuduh yang diwakili peguam bela, Mohamad Hamizey Mat Taib, memohon jaminan dikurangkan kerana tertuduh lelaki bekerja sebagai pemandu lori yang berpendapatan RM2,500 sebulan, manakala wanita pula tidak bekerja.

Hakim kemudian membenarkan pasangan itu masing-masing diikat jamin RM12,000 oleh seorang penjamin sementara sebutan semula kes pada 4 Julai depan.

## KES SAMUN: WANITA ANTARA EMPAT DITAHAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/260257/berita/semasa/kes-samun-wanita-antara-empat-ditahan>

Sumber : Sinar Harian



HULU SELANGOR - Seorang wanita antara empat individu ditahan kerana disyaki terlibat dengan kes samun yang menyasarkan golongan wanita di sekitar Rawang dan Hulu Selangor pada 13 dan 15 Mei lepas.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintenden Ahmad Faizal Tahrim berkata, kesemua suspek berusia 28 tahun hingga 47 tahun itu ditahan susulan laporan daripada seorang wanita yang disamun pada 10 Mei.

Beliau berkata, polis turut merampas antaranya dua kenderaan curi yang dipercayai digunakan untuk kegiatan jenayah, dua telefon bimbit, satu set pakaian dan seutas rantai emas.

"Dua suspek mempunyai lebih 20 rekod berkaitan jenayah dan dadah, manakala dua lagi tiada sebarang rekod jenayah. Dua daripada mereka juga positif dadah hasil ujian air kencing.

"Pihak polis juga sedang mencari seorang lagi suspek lelaki yang masih bebas dipercayai rakan jenayah mereka," katanya kepada pemberita dalam sidang media di Ibu Pejabat Polis Daerah Hulu Selangor, di sini pada Khamis.

Beliau berkata, hasil siasatan mendapati kesemua mereka telah aktif sejak tiga tahun lepas dengan modus operandi menyasarkan golongan wanita di kawasan yang kurang menjadi tumpuan orang ramai untuk melakukan kegiatan samun.

Ahmad Faizal berkata, kes disiasat di bawah Seksyen 395 Kanun Keseksaan dan Seksyen 397A kanun sama kerana samun dan curi kenderaan.

Sementara itu, Ahmad Faizal berkata, dua lagi lelaki berusia 36 dan 37 tahun ditahan di sekitar Batu Caves dan Petaling Jaya kerana disyaki terlibat dengan kegiatan samun dengan menyamar sebagai anggota polis.

Beliau berkata, penahanan mereka susulan daripada kes samun kedai runcit di Jalan Meranti, Batang Kali menyebabkan kerugian RM17,000 pada 13 Mac lepas.

"Modus operandi mereka menyasarkan kedai runcit untuk melakukan samun dengan menyamar sebagai anggota polis sejak awal tahun ini.

"Polis turut merampas antaranya satu telefon bimbit, sebuah motosikal jenis Kawasaki, satu ves warna hijau dan biru berlogo polis dan dua topi keledar," katanya.

Menurutnya, semakan mendapati kedua-dua suspek mempunyai rekod lampau berkaitan jenayah dan dadah, manakala ujian air kencing mereka negatif dadah.

Katanya, mereka direman bermula 16 hingga 22 Mei sebelum disambung reman serta dirujuk kepada Ibu Pejabat Polis Daerah Sentul berkaitan kes lain. – Bernama

## **TAWAR KHIDMAT SEKS MELALUI WECHAT, 7 DITAHAN**

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/05/970885/tawar-khidmat-seks-melalui-wechat-7-ditahan>

**Sumber : Harian Metro**



Melaka: Tujuh wanita warga asing disyaki menawarkan khidmat seks dicekup Bahagian Penguatkuasa Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Melaka dalam serbuan di beberapa hotel 'tiga bintang' di Melaka Raya dan Kota Laksamana, di sini.

Pengarah JIM Melaka, Anirwan Fauzee Mohd Aini berkata, serbuan Op Gegar itu dijalankan bermula jam 10 malam semalam hingga 2 pagi tadi susulan maklumat penawaran aktiviti pelacuran membabitkan wanita warga asing.

Menurutnya, maklumat diperoleh wanita warga asing ini dipercayai menawarkan khidmat seks melalui aplikasi WeChat dengan mengenakan bayaran antara RM230 hingga RM800 mengikut kepada pakej perkhidmatan ditawarkan.

"Tujuh wanita ditahan adalah dua warga Indonesia dan lima warga Thailand yang gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri dan melanggar syarat pas/permit yang dikeluarkan.

"Hasil serbuan kita turut merampas beberapa bungkusan kondom, minyak pelincir dan telefon bimbit disyaki digunakan bagi aktiviti tidak bermoral itu," katanya.

Anirwan Fauzee berkata, terdahulu dalam serbuan Op Mahir di sebuah kilang kitar semula di Kawasan Perindustrian Bukit Rambai, bermula jam 10 pagi hingga 12 tengah hari semalam pihaknya menahan 33 warga Myanmar, Bangladesh dan China.



ANTARA pekerja warga asing yang cuba melarikan diri ketika serbuan dijalankan. FOTO Ihsan JIM Melaka

Katanya, kilang berkenaan didapati bertutup rapat dan dikelilingi pagar zink dipercayai bagi mengelak aktiviti mereka disyaki menggaji pekerja warga asing secara haram, dihidu penguat kuasa.

"Ketika diserbu hampir semua 39 pekerja asing panik dan bertempiraran lari ke arah kawasan semak untuk mengelak ditahan.

"Malah ada yang sanggup memanjat tembok menyeberangi ke kilang bersebelahan kerana dipercayai tidak memiliki dokumen perjalanan dan permit kerja yang sah hingga ada yang cedera di kaki akibat terpijak pagar zink.

"Hasil pemeriksaan lanjut 33 pekerja iaitu 31 lelaki dan dua wanita ditahan atas pelbagai kesalahan seperti masuk dan tinggal di Malaysia secara haram, tiada sebarang dokumen pengenalan diri dan lain-lain kesalahan Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155)," katanya.

Menurut Anirwan Fauzee, keseluruhannya 60 warga asing diperiksa dalam operasi terbabit yang dijalankan oleh tiga pegawai dan 20 anggota.

"Daripada jumlah itu 41 orang warga asing ditahan terdiri warganegara 23 warga Myanmar, Thailand (enam), China dan Indonesia masing-masing lima orang dan dua dari Bangladesh berusia 19 hingga 43 tahun.

"Pemilik kilang, pelanggan dan pengurus hotel turut dikeluarkan saman bagi membantu siasatan," katanya.

## 10 ORANG DIPANGGIL BANTU SIASATAN KES BUNUH, BAKAR WANITA HAMIL

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1106064/10-orang-dipanggil-bantu-siasatan-kes-bunuh-bakar-wanita-hamil>

Sumber : Berita Harian



SUNGAI BESAR: Polis mengambil keterangan 10 individu bagi membantu siasatan kematian seorang wanita hamil empat bulan yang ditemui dalam keadaan terbakar di kawasan belukar kebun kelapa sawit di Jalan Sungai Air Limau di sini, Isnin lalu.

Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Agus Salim Mohd Alias, berkata semua individu berusia 20 hingga 50 tahun itu hadir ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sabak Bernam untuk memberi keterangan, hari ini.

"Mereka membabitkan saksi yang boleh membantu siasatan termasuk ahli keluarga mangsa berusia 21 tahun itu dan suspek," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Agus Salim berkata, tiada penahanan baharu dibuat pihaknya berhubung kes terbabit.

Katanya, proses bedah siasat mayat mangsa akan diadakan jam pagi esok di Hospital Sungai Buloh.

Semalam, polis menahan seorang lelaki berusia 20 tahun yang disyaki terbabit dalam kejadian itu di Sungai Besar.

Suspek dan mangsa dikatakan adalah pasangan kekasih yang menjalin hubungan selama setahun.

Suspek direman enam hari sehingga 29 Mei ini bagi membantu siasatan dan kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

## WANITA RUGI RM180,000 DITIPU KENALAN LAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/05/1105942/wanita-rugi-rm180000-ditipu-kenalan-lama>

Sumber : Berita Harian



JOHOR BAHRU: Seorang wanita kerugian RM180,000 selepas terpedaya dengan kenalan lamanya yang menawarkan skim pelaburan wang dan emas, tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Seri Alam, Superintendan Mohd Sohaimi Ishak, berkata laporan polis diterima daripada wanita tempatan berusia 43 tahun itu yang mendakwa dirinya ditipu sindiket penipuan yang menawarkan skim pelaburan wang dan emas.

Beliau berkata, kejadian bermula pada Ogos 2022 apabila seorang lelaki tempatan yang juga kenalan lama mangsa menawarkan skim yang menjanjikan pulangan lima peratus pada setiap minggu atas jumlah wang tunai atau nilai emas yang dilaburkan.

"Mangsa yang berminat dengan tawaran itu telah melaburkan wang tunai ke dalam akaun kenalannya itu, antara Ogos 2022 hingga Oktober 2022.

"Mangsa turut melaburkan barang kemas pelbagai bentuk dan sebuah kereta yang diserahkan kepada lelaki berkenaan.

"Nilai keseluruhan pelaburan dibuat mangsa dianggarkan sebanyak RM260,000," katanya menerusi kenyataan, hari ini.

Mohd Sohaimi berkata, antara Ogos 2022 hingga Februari lalu, mangsa menerima beberapa kali pulangan keseluruhannya berjumlah RM80,000, namun selepas itu tiada sebarang pulangan diterima mangsa.

Katanya, mangsa mendakwa kenalan lalaknya itu memberikan pelbagai alasan sebelum terus gagal dihubungi.

"Mangsa percaya dirinya ditipu dan mengalami kerugian kira-kira RM180,000," katanya.

Mohd Sohaimi berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

"Siasatan juga akan meliputi pembabitkan keldai akaun sekiranya ada dan tindakan akan dikenakan terhadap pemilik akaun," katanya.

## **WANITA HAMIL DICERAI TALAK SATU, DIHALAU KELUAR RUMAH**

<https://www.kosmo.com.my/2023/05/25/wanita-hamil-dicerai-talak-satu-dihalau-keluar-rumah/>

**Sumber : Kosmo**



PETALING JAYA – Seorang wanita yang sedang sarat mengandung dihalau dari rumah selepas suaminya melafazkan cerai talak satu kepadanya menerusi perbualan di aplikasi WhatsApp.

Lebih kejam, lelaki tersebut hanya memberikan tempoh seminggu kepada wanita berkenaan untuk mendapatkan rumah atau bilik sewa lain.

Tangkap layar perbualan WhatsApp pasangan terbabit tular di media sosial apabila ia dimuat naik oleh pengguna akaun TikTok @Wanita Biasa semalam.

Menerusi perbualan tersebut, lelaki berkenaan memaklumkan dia akan tinggal bersama seorang wanita yang dikenali sebagai 'Linda' buat sementara sehingga si isteri mendapat tempat tinggal baharu.

"Aku bagi kau tempoh seminggu sahaja, cari rumah atau bilik sewa lain.

"Sementara ini kau duduk la situ dulu, aku tidur rumah linda sahaja," kata lelaki tersebut.

Dalam pada itu, si isteri hanya membalas dengan perkataan terima kasih kepada suaminya kerana tergamak menceraikan demi wanita lain.

“Dengan keadaan saya tengah sarat ini, saya nak pergi mana? Awak pun tahu saya tak ada sesiapa. Sampai hati buat saya macam ini.

“Sebabkan dia (orang ketiga) awak sanggup ceraikan saya. Terima kasih banyak awak,” balas wanita itu.

Menjengah ke ruangan komen, ramai yang mendoakan agar wanita tersebut kuat demi anak dalam kandungannya.

“Semoga tabah puan. Kuatkan diri untuk anak. Jangan berharap lagi pada lelaki kejam macam itu. Awak perlukan kebahagiaan yang lain. Saya doakan yang terbaik untuk puan,” kata Azalia Nordin.

“Semoga segala urusan dipermudahkan Allah dan kuat untuk anak tau. Adik adalah wanita yang dipilih oleh Allah untuk semua ujian yang berat ini, terus kuat dik,” pesan Inayana.

“Cerai sekalipun dia kena sediakan tempat tinggal dalam tempoh bekas isterinya iddah,” komen pengguna lain. – KOSMO! ONLINE

## **LELAKI WARGA EMAS DIPERDAYA HAMPIR SETENGAH JUTA PELABURAN ‘FOREX’**

[https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-warga-emas-diperdaya-hampir-setengah-juta-pelaburan-forex/?utm\\_source=BUTV3&utm\\_medium=terkini](https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-warga-emas-diperdaya-hampir-setengah-juta-pelaburan-forex/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini)

**Sumber : Buletin TV3**



SIBU: Seorang lelaki berusia 50-an kerugian RM485,320 selepas terpedaya dengan pelaburan mata wang asing di Hong Kong.

Ketua Polis Daerah Sibul, Asisten Komisioner Zulkipli Suhaili berkata, Bahagian Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sibul menerima laporan berhubung kes itu daripada mangsa kelmarin.

“Mangsa yang dimasukkan dalam kumpulan Whatsapp pelaburan itu telah berminat dengan pelaburan awalan sebanyak RM20,000 telah memuat naik satu aplikasi perdagangan mata wang asing.

“Mangsa telah membuat 109 kali transaksi ke dalam dua akaun berasingan mulai November tahun lalu sehingga Mac tahun ini bertujuan memperolehi modal dan keuntungan sebanyak AS\$127,000 yang dinilai hampir RM533,400,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, mangsa kemudiannya diminta untuk membuat pindahan wang bagi pelbagai urusan pengeluaran wang terbabit.

“Mangsa mulai curiga apabila dikehendaki memasukan RM11,000 bagi urusan ejen pedagang datang ke Sibul untuk berjumpa dengan mangsa.

“Mangsa juga telah bertanyakan hal itu dengan peguam peribadi dan merasakan dirinya diperdaya lalu membuat laporan polis,” katanya.

Beliau berkata, sebagai langkah pencegahan, orang ramai dinasihatkan supaya membuat semakan dengan Bank Negara Malaysia (BNM) bagi memastikan kesahihan pelaburan yang dibuat.

“Orang ramai juga dinasihatkan supaya tidak mudah terpedaya sekiranya dijanjikan kadar faedah pulangan yang jauh lebih tinggi daripada pulangan yang ditawarkan oleh institusi kewangan berlesen,” tegasnya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

## PASANGAN WARGA EMAS TINGGAL SEHELAI SEPINGGANG MENJELANG GAWAI

<https://www.utusanborneo.com.my/2023/05/25/pasangan-warga-emas-tinggal-sehelai-sepinggang-menjelang-gawai>

Sumber : Utusan Borneo



BINTANGOR: Pasangan warga emas hilang tempat tinggal dan harta benda setelah rumah mereka musnah dalam kebakaran di sini, awal pagi tadi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bintangor Nicholas Belulin berkata, pihak bomba telah menerima panggilan kecemasan berkaitan kejadian itu pada jam 2.53 pagi.

"Sejurus menerima panggilan tersebut, sepasukan anggota bomba bersama sebuah jentera pemadam telah dikerahkan ke lokasi kejadian iaitu di Rumah Jubang, Sungai Pinang, Ulu Pakan yang terletak sejauh 58 kilometer dari balai.

"Ketika sampai di lokasi tersebut, pasukan bomba mendapati rumah yang terbakar itu adalah sebuah rumah dua tingkat jenis tidak kekal iaitu tingkat bawah konkrit, manakala tingkat atas kayu yang telah musnah 70 peratus dan bahagian atasnya ranap sepenuhnya.

"Berdasarkan situasi tersebut, pasukan bomba telah bertindak memadam kebakaran dengan menggunakan sumber air terbuka dari sungai berhampiran dengan menggunakan pam angkut," kata Nicholas kepada media, hari ini.

Dalam usaha memadam kebakaran tersebut, pihak bomba berhadapan kesukaran apabila jentera bomba tidak dapat sampai ke lokasi kerana jalan menuju ke rumah terbabit yang sempit dan jambatan yang dilalui tidak selamat.

Menurut Nicholas, pihak bomba bertindak memindahkan peralatan memadam kebakaran seperti pam angkut dan kelengkapan hos ke dalam kenderaan pikap milik Tuai Rumah Jubang.

"Dari simpang jalan utama untuk ke lokasi tersebut adalah sejauh 2.8 kilometer.

"Suami isteri terbabit yang berusia dalam lingkungan 60-an terselamat dalam kejadian ini, manakala punca sebenar kebakaran serta jumlah kerugian yang ditanggung oleh mangsa masih dalam siasatan," jelas Nicholas.

Tambah Nicholas lagi, usaha mengawal dam memadam kebakaran tersebut mengambil masa 40 minit.

## **PENGENDALI PUSAT KEBAJIKAN SYUKUR DAPAT GERAN RM5,000, TAMPUNG KEPERLUAN PENGHUNI**

<https://selangorkini.my/2023/05/pengendali-pusat-kebajikan-syukur-dapat-geran-rm5000-tampung-keperluan-penghuni/>

**Sumber : Selangor Kini**



HULU LANGAT, 25 MEI: Sebanyak 20 pusat kebajikan menerima geran RM5,000 daripada Kerajaan Negeri menerusi program Santuni Pusat Kebajikan Masyarakat.

Setiausaha Persatuan Jagaan Mahmudah Syafiq Mohiadin bersyukur dengan bantuan itu dan memberi manfaat kepada 45 warga emas di pusat jagaan tersebut.



Setiausaha Persatuan Jagaan Mahmudah Syafiq Mohiadin. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

“Bantuan kerajaan melalui program hari ini sangat membantu untuk menampung kos operasi bulanan pusat jagaan yang memerlukan pembelian katil, ubat-ubatan dan makanan buat ibu bapa kami di sini.

“Saya harap bantuan ini diteruskan kerana program sebegini tidak pernah dibuat memandangkan kami terpaksa mencari dana sendiri dari pertubuhan bukan kerajaan (NGO), ahli korporat dan masyarakat setempat,” katanya.



EXCO Kebajikan Masyarakat V Ganabatirau (kiri) melawat penghuni ketika majlis Simbolik Penyerahan Peruntukan Program Santuni Pusat Kebajikan Selangor di Pusat Jagaan Mahmudah, Hulu Langat pada 25 Mei 2023. Foto FIKRI YUSOF/SELANGORKINI

Beliau ditemui selepas majlis penyerahan peruntukan program bawah Jawatankuasa Tetap Kebajikan Masyarakat yang disempurnakan EXCO Kebajikan Masyarakat V Ganabatirau di Pusat Jagaan Mahmudah di sini, hari ini.

Sementara itu, Pengurus Pusat Kebajikan Al-Fiqrah Nurul Atikah Azmi turut memuji keprihatinan Kerajaan Negeri atas sumbangan berkenaan yang memberi manfaat buat 70 warga emas pusat jagaannya yang bertempat di Kajang.

“Saya berterima kasih kepada Kerajaan Negeri, dana dapat menampung keperluan kebajikan 70 warga emas seperti makanan dan ubat-ubatan.

“Harapan bantuan ini akan diteruskan lagi kerana kos operasi makin meningkat,” katanya.

## **BAYI SEAWAL ENAM BULAN BOLEH DISERANG PENYAKIT FUNGSIAN PERUT DAN USUS**

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/05/bayi-seawal-enam-bulan-boleh-diserang-penyakit-fungsian-perut-dan-usus/>

**Sumber : Utusan**



**KOTA BHARU:** Persatuan Gastroenterologi dan Hepatologi Malaysia (MSGH) mendedahkan bayi berusia seawal enam bulan berpotensi diserang penyakit fungsian perut dan usus.

Mendedahkan perkara itu, Presidennya, Profesor Dr. Lee Yeong Yeh berkata, kembung perut, sembelit, cirit-birit, sakit perut dan muntah gelaja yang boleh dikesan jika seseorang bayi itu diserang penyakit berkenaan.

Menurutnya, situasi itu akan menyebabkan bayi berkenaan akan mengalami masalah berat badan selain tumbesaran akan menjadi terbantut.

“Sebelum ini, golongan berusia 50-an berisiko diserang penyakit itu. Namun sekarang, makin ramai golongan muda yang dikesan menghidap penyakit ini termasuk bayi seawal enam bulan.

“Masalah ini dikesan berpunca daripada faktor gaya hidup, pemakanan, sosiaekonomi serta perubahan bakteria di dalam struktur usus,” katanya pada sidang akhbar selepas Majlis Perasmian Makmal Fungsi Gastrosusus dan Motiliti di Hospital Universiti Sains Malaysia (Hospital USM) Kubang Kerian di sini hari ini.

Terdahulu, Pengarah HUSM Kubang Kerian, Profesor Datuk Dr. Nik Hisamuddin Nik Ab. Rahman telah merasmikan Makmal Fungsi Gastrosusus dan Motiliti yang dilengkapi peralatan diagnostik motiliti pertama di Malaysia.

Sementara itu, Dr. Nik Hisamuddin memberitahu, sehingga kini, sebanyak 2,105 pesakit termasuk pesakit-pesakit rujukan dari luar negeri Kelantan telah menerima manfaat daripada kemudahan tersebut sejak 2013 lalu.

Katanya, selain itu terdapat 11 orang pakar bidang gastrousus terlatih termasuk tiga dari luar negara telah ditempatkan di Hospital USM.

“Tanpa peralatan diagnostik motiliti, adalah amat sukar untuk mengenal pasti penyakit fungsian saraf dan otot usus.

“Di Malaysia, hanya beberapa buah hospital sahaja yang mempunyai peralatan tersebut dan tiada hospital yang mempunyai peralatan lengkap kecuali Hospital USM.

“Antara ujian diagnostik yang ditawarkan oleh makmal ini adalah ujian manometri esofagus dan anorektal, ujian pH-impedance, ujian pernafasan hidrogen dan lain-lain,” ujarnya.

Tambah Dr. Nik Hisamuddin, terdapat dua prosedur baharu yang hanya ditawarkan di Hospital USM buat masa ini iaitu ujian ‘manometri kolon’ dan ‘mucosal impedance’. -UTUSAN